

03/11/1997

Putera Charles rasmi hotel anak Malaysia

HOTEL Sandton Hilton di Johannesburg, Afrika Selatan - milik anak Malaysia, mencatat sejarah apabila dirasmikan Putera Charles, semalam.

Syarikat Business Focus Sdn Bhd memiliki 70 peratus saham Hotel Sandton Hilton, manakala baki 30 peratus lagi dimiliki sebuah konsortium tempatan yang dikenali sebagai A Van Der Mer Konstruksi.

Hotel berharga RM145 juta itu yang memiliki 324 bilik, terletak di Sandton. Ia adalah rangkaian hotel Hilton kedua di sini selepas di Durban yang juga dimiliki syarikat Malaysia, Renong Bhd, yang menguasai 85 peratus sahamnya.

Hotel itu, yang pembinaannya dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sewaktu lawatannya ke sini pada 1995, diuruskan oleh Hilton International.

Hotel itu juga menjadi hotel Hilton pertama yang mempunyai sebuah restoran Malaysia di luar negara, selain hotel pertama yang menyediakan dapur halal di sini.

Lantai hotel berkenaan yang disifatkan sebagai "Hotel Seni" dialas dengan permaidani bermotifkan Afrika manakala hasil-hasil seni oleh artis-artis Afrika menghiasi segenap penjuru hotel itu.

Putera Charles berada di sini sebagai sebahagian daripada rangka lawatannya ke rantau selatan Afrika bersama putera beliau, Harry. Ini adalah lawatan rasminya yang pertama ke luar negara selepas kematian bekas isterinya, Puteri Diana.

(END)